

20/06/2003

(Wanita Umno chief Datuk ... )

WANITA Umno chief Datuk Seri Rafidah Aziz wrote these pantun verses dedicated to party president Dr Mahathir. She recited them when debating the motion of thanks for the presidential address yesterday:

Jun 2002 sentiasa diingati,  
Tersemat kuat didalam perasaan,  
Hilang semangat ahli-ahli parti,  
Presiden Umno mengumumkan persaraan.  
Tangisan terisak sedih dan sayu,  
Melaung kami tanpa segan silu,  
Setelah dipujuk serta dirayu,  
Barulah hasrat ditangguhkan dahulu.  
Presiden parti berkarisma dan bijak,  
Tidak pandai berpura-pura,  
Jasa Dr Mahathir terlalu banyak,  
Pada agama, bangsa dan negara.  
Dari New York hingga ke Beijing,  
menyuarakan lantang pendirian negara,  
kami menumpang kegemilangan pemimpin,  
dihormatilah Malaysia.  
Memberi ilham menaikkan semangat,  
Pesanan diberi berulang-ulang,  
Dr Mahathir juara rakyat,  
Mendorong kecemerlangan di pelbagai bidang.  
Negara maju menjadi kita,  
Wawasan 2020 haluan kita,  
Datuk M prihatin terhadap wanita,  
Sumbangan mereka dihargai negara.  
Mesyuarat ini lain dari yang lain,  
Begitu ramai ahli parti yang hadir,  
Putrajaya warisan pemimpin,  
Lambang wawasan Dr Mahathir.  
Pengganti kepada Putera Johor,  
Menyumbang tenaga penuh kerelaan,  
Berkat sentuhan Presiden Umno,  
Kita mengecap nikmat Kemerdekaan.  
Kawalan hormat telah diperiksa,  
Dengan megah dinaikkan bendera,  
Kita digesa sayangkan bangsa,  
Cintakan Umno serta negara.  
Pemimpin bersara kepentingan bertukar,  
Jasa dikenang ke akhir hayat,  
Wanita Umno berjanji dan berikrar,  
Sentiasa bersatu, bersetia, berkhidmat.  
Sehinga Antartika pemimpin mengembara,  
Malaysia boleh menjadi pegangan,  
Sungguhpun Presiden akan bersara,  
Jauh dimata dihati jangan.  
Usul disokong sepenuh hati,  
Oleh wanita dan ketuanya,  
Pucuk pimpinan silih berganti,  
Umno, Insyallah, kekal abadi.

